

Kes 1MDB: Switzerland sita karya Van Gogh, Monet
Free Malaysia Today
Julai 21, 2016
Reuters

Operasi masih belum tamat, kata jurucakap Pejabat Kehakiman Persekutuan

ZURICH: Bertindak atas permintaan Amerika Syarikat, pihak berkuasa Switzerland merampas tiga karya yang berkaitan dengan siasatan keatas syarikat milik kerajaan Malaysia 1Malaysia Development Berhad (1MDB), kata mereka pada Khamis.

Jurucakap Pejabat Kehakiman Persekutuan berkata karya yang dirampas adalah La Maison de Vincent à Arles (rumah Vincent di Arles) yang dilukis Van Gogh, dan Saint-Georges Majeur (senja kala di San Giorgio Maggiore) dan Nymphéas avec Reflets de Hautes Herbes (pantulan telepok dan pelbagai herba) yang dilukis Monet.

Beliau mengesahkan laporan oleh akhbar Neue Luzerner Zeitung.

“Operasi masih belum tamat maka kami tidak akan beri sebarang kenyataan berhubung lokasi lukisan-lukisan itu,” katanya.

Amerika Syarikat memfailkan saman pada Rabu untuk merampas aset-aset bernilai AS\$1 bilion (RM4.07 bilion) yang dibeli dengan wang yang dipercayai disonglap daripada 1MDB.

Copyright (C) 2009-2016 MToday News Sdn. Bhd. All Rights Reserved.

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/07/21/kes-1mdb-switzerland-sita-karya-van-gogh-monet/>